



PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE EPIC GROUP

1. **NOTICE**

- 1.1 This Personal Data Protection Notice ("Notice") is issued pursuant to the Personal Data Protection Act 2010 ("PDPA 2010") and for the purpose of this Notice, "Personal Data" shall have the meaning as ascribed to it under the PDPA 2010.
- 1.2 This Notice serves to inform you on how your Personal Data is collected by EPIC Group. Personal Data will be recorded, processed, stored, used, transferred and/or disposed and to be utilised and dealt in accordance with PDPA 2010.
- 1.3 This Notice serves to inform you that, whether you are our customers, vendors, suppliers, distributors or service providers, that your Personal Data being processed by us or on our behalf and you hereby give your consent to the processing of your Personal Data.
- 1.4 By providing your Personal Data to us and/or continuing access to our website, you declare that you have read and understood our PDPA policy and agree to us processing your Personal Data in accordance with the manner as set out in this policy. The PDPA policy may be updated from time to time."

2. **COLLECTION OF PERSONAL DATA**

Your Personal Data may be collected through several method, including but not limited to:-

- a) Information or feedbacks that you have provided to us by whatsoever means and/or in whatsoever manner; and/or
- b) Information obtained independently by us or given to us from other lawful sources including where necessary, from reliable third parties and from the public domain or online platforms; and/or
- c) Information collected from various forms available during your visits to our offices, our website, business cards, guest books and/or any events organised or sponsored by us, our subsidiaries and/or any of our affiliates including but not limited to visits, meetings, training programmes, conferences, seminars, workshops or talks.

3. **NATURE OF PERSONAL DATA**

We may collect a variety of your Personal Data including but not limited, whenever necessary and relevant (collectively as "Personal Data"): -

- a) name, age, date of birth, identification card number, passport number or such other personal identification number, nationality;
- b) political opinions, religious beliefs or other beliefs of a similar nature, the commission or alleged commission by you of any offence;
- c) marital status, family and/or next of kin information;
- d) occupation, company name, designation, remuneration information, EPF number, SOCSO number, Income Tax Number, bank details, education, working experiences, training attended;
- e) medical record (physical or mental), diagnosis, personal health information, and criminal history/record;
- f) e-mail address, home and office address, contact number, photograph, CCTV images, other Personal Data you submitted to us from time to time and all other Personal Data we again collect from you on any subsequent occasion;
- g) any other Personal Data required for the purpose set out in this Notice and as may be determined by order published in the Gazette.



4. PURPOSE OF PERSONAL DATA COLLECTION

We may process your Personal Data for the purpose as listed but not limited, whenever necessary and relevant:-

- a) verification of identity, background and financial check, as may be necessary and appropriate;
- b) monitoring compliance requirements by the regulatory bodies and our internal rules and policies;
- c) contacting and communicating with you;
- d) responding to your inquiries or complaints and resolving disputes;
- e) providing our products and/or services to you;
- f) preparing legal documents or contract to effect and validate the commercial transaction between you and us;
- g) performing our contractual obligations with you and for the continuation of such obligations;
- h) administer and give effect to your commercial transaction with us including but not limited to issuance of invoice and letters;
- i) inviting you to participate in our events, programmes and activities;
- j) conducting market evaluation, surveys/research, reporting, audit, compliance, risk management, and data analytics to improve our services and businesses;
- k) providing you with information and/or updates on our businesses, products and/or services, e-newsletters and of our related corporations and business partners;
- l) conducting investigation and crime prevention purposes;
- m) processing employment applications including pre-employment checks;
- n) determining and reviewing salaries, incentives, bonuses and other benefits;
- o) determining promotion, career development, training, secondment or transfer, performance, health and safety administration, and security and access control;
- p) to defend and enforce our rights under any relevant and applicable laws and regulations;
- q) complying with legal, regulatory and disclosure requirements of any governmental and/or quasi-governmental departments or agencies, regulatory and statutory bodies, court order/direction, by-law, guideline, circular or code;
- r) monitoring compliance requirements of any financial institutions or banks that are related to the commercial transactions between you and us;
- s) for any other purposes that are required or permitted by any law, regulations, and/or guidelines as may be prescribed from time to time including such other purposes directly related to the foregoing.

5. FAILURE TO PROVIDE PERSONAL DATA

Failure to provide us such Personal Data will result as follows (but not limited to):-

- a) unable to proceed with any verifications and checking;
- b) unable to perform obligations under any potential and/or existing businesses and/or contract;
- c) unable to maintain and develop our relationship with you;
- d) unable to perform obligations under employment agreement;
- e) unable to process employment application and any other applications submitted to us;
- f) unable to carry out any other purposes as listed in this Notice and under the Act.

6. SAFEGUARD AND DISCLOSURE TO THIRD PARTY

6.1 We value the privacy and protection of your Personal Data seriously hence we endeavour to implement appropriate administrative, security safeguard and procedure in accordance with the applicable laws and regulations to prevent any unauthorized or unlawful processing of your Personal Data and any accidental loss and destruction of or damage to your Personal Data.

6.2 However, kindly take note that, certain Personal Data may be required to be disclosed to third parties (after all necessary steps taken), including but not limited to:-



- a) our subsidiaries, related companies, affiliates, business partners, service providers (including without limitation our vendors, suppliers, agents and contractors);
- b) our financial institutions, insurance companies, banks (including payment channels);
- c) our professional advisors, consultants/agents and advocate & solicitors;
- d) Royal Malaysian Police, governmental departments and/or agencies, regulatory and/or statutory bodies, as may be required;
- e) your immediate family members and/or emergency contact person as may be notified to us from time to time;
- f) any party explicitly authorized by you for the purposes stated in this Notice or under PDPA 2010;
- g) any party nominated or appointed by us either solely or jointly with other service providers, data centres and/or servers, storage facility and records management service providers located within or outside Malaysia;
- h) any party of bodies as permitted as PDPA 2010 and regulations may be prescribed from time to time.

6.3 If you give us personal information about another person (or persons), we will take that to mean they have appointed and authorised you to act on their behalf.

7. RETENTION

Any Personal Data supplied by you will be retained by us as long as it is necessary and for the expedient and fulfilment of any purpose as stated above pursuant to our internal policies, regulatory requirements, legal and accounting requirements and as permitted by law.

8. COMPLAINT, RIGHT OF ACCESS AND WITHDRAWAL OF CONSENT

- 8.1 You are responsible to ensure the Personal Data provided to us is accurate, correct and up to date;
- 8.2 You have the right to request of limiting the processing of your Personal Data or to cease or not begin processing your Personal Data for purposes of direct marketing;
- 8.3 You have the right to withdraw your consent previously given to us (in full or in part) subject to any applicable legal restrictions, contractual conditions and a reasonable duration of time for the withdrawal of consent to be affected by providing us a notice in writing;
- 8.4 Subject to any exceptions under applicable laws, you may at any time hereafter request for access to, or for correction of your Personal Data, or seek further information from us.

All complaints, enquiries and request shall be addressed to the Data Protection Officer.

9. CHANGES ON NOTICE

We shall have the right to modify, update or amend the terms of this Notice at any time by issuing and placing the updated Notice on our website. By continuing to communicate with us or by continuing to use our services following the modifications, updates or amendments to this Notice, it shall signify your understanding and acceptance of such modifications, updates or amendments.

10. CONFLICT

In the event of any inconsistency between English version and Malay version of this Notice, the English version shall prevail.



NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI EPIC GROUP

1. NOTIS

- 1.1 Notis Perlindungan Data Peribadi ("Notis") ini dikeluarkan berdasarkan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta") dan bagi tujuan Notis ini, maksud Data Peribadi adalah seperti yang dinyatakan dalam Akta.
- 1.2 Notis ini bertujuan untuk memaklumkan anda tentang penggunaan Data Peribadi anda yang diperolehi oleh Terengganu Incorporated Sdn Bhd. Data Peribadi akan direkodkan, diproses, disimpan, digunakan dan dipindahkan dan/atau dilupuskan dan diuruskan berpandukan Akta.
- 1.3 Notis ini bertujuan untuk memaklumkan, sama ada anda adalah pelanggan, vendor, pembekal, pengedar atau penyedia perkhidmatan, bahawasanya Data Peribadi anda diproses oleh kami atau bagi pihak kami dan dengan ini anda memberi persetujuan terhadap pemprosesan Data Peribadi anda.
- 1.4 Dengan memberikan Data Peribadi anda kepada kami dan/atau terus mengakses laman web kami, anda menyatakan bahawa anda telah membaca dan memahami dasar polisi kami dan bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi anda mengikut cara yang dinyatakan dalam dasar ini. Notis ini mungkin dikemas kini dari semasa ke semasa.

2. PENGUMPULAN DATA PERIBADI

Data Peribadi akan dikumpulkan melalui beberapa kaedah, termasuk tetapi tidak terhad kepada:-

- a) Maklumat atau maklumbalas yang anda berikan kepada kami dengan apa jua cara sekalipun; dan/atau;
- b) Maklumat yang diperolehi secara bebas oleh kami melalui mana-mana sumber yang sah di sisi undang-undang, termasuk (jika perlu), melalui pihak ketiga yang boleh dipercayai dan daripada domain awam atau platform atas talian; dan/atau
- c) Maklumat yang diperolehi daripada pelbagai borang atas talian pada laman web kami, kad perniagaan, buku rekod tetamu dan/atau acara yang dianjurkan atau ditaja oleh kami, anak syarikat kami dan/atau syarikat berkait kami termasuk tetapi tidak terhad kepada program latihan, persidangan, seminar, bengkel latihan atau ceramah.

3. JENIS DATA PERIBADI

Kami akan mengumpul pelbagai Data Peribadi anda termasuk tetapi tidak terhad kepada (dimana berkaitan dan relevan) (secara kolektif sebagai "Data Peribadi"):-

- a) nama, umur, tarikh lahir, nombor kad pengenalan, nombor pasport atau maklumat pengenalan diri yang lain, kewarganegaraan;
- b) kecenderungan politik, agama dan lain-lain kepercayaan berkaitan yang serupa, perbuatan salah laku atau dakwaan salah laku anda atas pelanggaran undang-undang;
- c) status perkahwinan, maklumat ahli keluarga dan/atau saudara terdekat;
- d) pekerjaan, nama syarikat, jawatan, maklumat gaji, no. akaun KWSP, no akaun PERKESO, nombor cukai pendapatan, maklumat akaun bank, pendidikan, pengalaman bekerja dan latihan yang dihadiri;
- e) rekod kesihatan (fizikal dan mental), diagnosis, rekod kesihatan peribadi, rekod jenayah;
- f) alamat emel, rumah, dan pejabat, nombor telefon, gambar, imej rakaman kamera litar tertutup, lain-lain Data Peribadi yang diberikan oleh anda kepada kami dari semasa ke semasa dan lain-lain Data Peribadi yang dikumpulkan oleh kami daripada anda pada masa-masa lain;
- g) lain-lain Data Peribadi yang diperlukan bagi tujuan yang dinyatakan dalam Notis ini dan yang ditetapkan melalui arahan yang diwartakan.

4. TUJUAN PENGAMBILAN DATA PERIBADI

Kami akan memproses Data Peribadi anda bagi tujuan yang dinyatakan di bawah, termasuk tetapi tidak terhad, (dimana berkaitan dan relevan):-

- a) pengesahan identiti, pengesahan latar belakang dan semakan kewangan, yang mana perlu dan sesuai;
- b) pemantauan keperluan pematuhan oleh badan pengawal selia dan aturan dan polisi dalaman kami;
- c) berhubung dan berkomunikasi dengan anda;
- d) menjawab pertanyaan dan aduan dan menyelesaikan pertikaian;
- e) menyediakan produk dan/atau perkhidmatan kepada anda;
- f) menyediakan dokumen perundangan atau kontrak untuk melaksanakan dan mengesahkan transaksi komersial di antara anda dan kami;
- g) melaksanakan obligasi kontrak dengan anda dan kesinambungan obligasi kontrak tersebut;
- h) mentadbir dan melaksanakan transaksi komersial termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran invois dan surat;
- i) menjemput anda untuk menyertai acara, program dan aktiviti anjuran kami;
- j) menjalankan nilai pasaran, kaji selidik, laporan, audit, pematuhan, kawalan risiko dan analisis data untuk menambah baik perkhidmatan dan perniagaan kami;
- k) menyediakan maklumat dan/atau kemaskini berkenaan perniagaan, produk dan/atau servis kami, berita berkaitan syarikat dan rakan niaga berkaitan;
- l) menjalankan siasatan dan langkah-langkah pencegahan jenayah;
- m) memproses permohonan pekerjaan termasuk semakan sebelum pengambilan kakitangan;
- n) menentukan dan mengkaji semula gaji, insentif, bonus dan lain-lain manfaat kakitangan;
- o) menentukan kenaikan pangkat, perkembangan kerjaya, latihan, pemindahan atau penukaran, prestasi, pengurusan kesihatan dan keselamatan, sekuriti dan kawalan akses;
- p) mempertahankan dan menegakkan hak kami di bawah undang-undang dan peraturan yang relevan dan terpakai;
- q) mematuhi undang-undang, peraturan dan arahan pendedahan oleh mana-mana badan kerajaan dan/atau jabatan atau agensi separa kerajaan, perundangan dan badan berkanun, arahan mahkamah, undang-undang berkaitan, garis panduan, pekeliling dan kod arahan;
- r) mematuhi polisi pematuhan institusi kewangan atau bank yang berkaitan dengan transaksi komersial di antara anda dan kami;
- s) untuk apa-apa tujuan lain yang diperlukan dan dibenarkan oleh undang-undang, peraturan, dan/atau garis panduan yang ditetapkan dari semasa ke semasa termasuk bagi tujuan yang berhubung kait dengan semua yang dinyatakan di atas.

5. KEGAGALAN MEMBERI DATA PERIBADI

Kegagalan untuk memberikan Data Peribadi anda akan menyebabkan kami (termasuk tetapi tidak terhad kepada):-

- a) tidak dapat membuat pengesahan dan pemeriksaan yang diperlukan;
- b) tidak dapat menyempurnakan obligasi di bawah mana-mana kontrak, sama ada yang berpotensi atau sedia ada;
- c) tidak dapat mengekalkan dan membina hubungan berterusan dengan anda;
- d) tidak dapat memenuhi obligasi di bawah perjanjian pekerjaan dan lain-lain perjanjian;
- e) tidak dapat memproses permohonan pekerjaan termasuk lain-lain permohonan yang dikemukakan kepada kami;
- f) tidak dapat melaksanakan apa-apa tujuan yang dinyatakan di dalam Notis ini dan di bawah Akta.

6. PERLINDUNGAN DAN PENDEDAHAN KEPADA PIHAK KETIGA

- 6.1 Kami amat menitikberatkan privasi dan perlindungan Data Peribadi anda, oleh itu, kami berusaha untuk melaksanakan pentadbiran, sekuriti keselamatan dan prosedur yang bersesuaian, berdasarkan perundangan dan aturan yang terpakai bagi mengelakkan pemprosesan Data Peribadi yang tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang dan apa-apa kehilangan dan kemusnahan secara tidak sengaja atau kerosakan ke atas Data Peribadi anda.
- 6.2 Walaubagaimanapun, sila ambil maklum bahawa, sesetengah Data Peribadi anda mungkin perlu didedahkan kepada pihak ketiga (selepas semua langkah berjaga-jaga diambil), termasuk tetapi tidak terhad kepada:-
- a) anak syarikat dan syarikat berkait kami, syarikat bersekutu, rakan kongsi, penyedia perkhidmatan (termasuk tetapi tidak terhad kepada vendor, pembekal, ejen dan kontraktor);
 - b) institusi kewangan, syarikat insuran, bank (termasuk saluran pembayaran) kami;
 - c) penasihat profesional, konsultan/ejen dan peguamcara & peguambela kami;
 - d) Polis Diraja Malaysia, jabatan dan/atau agensi kerajaan, aturan dan/atau badan pengawal selia, seperti mana yang dikehendaki;
 - e) ahli keluarga terdekat dan/atau kenalan urusan kecemasan yang dimaklumkan kepada kami dari semasa ke semasa;
 - f) mana-mana pihak yang dibenarkan secara jelas oleh anda bagi tujuan yang dinyatakan di dalam Notis atau Akta;
 - g) mana-mana pihak yang telah dinamakan dan dilantik oleh kami (samaada secara berasingan atau bersama) bersama mana-mana penyedia perkhidmatan, pusat simpanan data dan/atau pelayar data, pembekal kemudahan penyimpanan dan pengurusan rekod yang beroperasi di dalam dan luar negara;
 - h) mana-mana pihak atau badan yang dibenarkan oleh Akta dan peraturan, dari semasa ke semasa.
- 6.3 Sekiranya anda memberikan Data Peribadi berkenaan mana-mana individu (atau individu-individu) lain kepada kami, kami beranggapan bahawa individu tersebut telah melantik dan membenarkan anda untuk bertindak bagi pihak mereka.

7. PENYIMPANAN

Data Peribadi yang diberikan kepada kami akan disimpan untuk satu tempoh yang perlu bagi suai manfaat dan pematuhan apa-apa tujuan yang dinyatakan di atas sebagaimana polisi dalaman kami, peraturan, keperluan perundangan dan perakaunan dan seperti yang dibenarkan oleh undang-undang.

8. ADUAN, HAK AKSES DAN PENARIKAN SEMULA PERSETUJUAN

- 8.1 Anda bertanggungjawab untuk memastikan Data Peribadi yang diberikan kepada kami adalah tepat, betul dan terkini;
- 8.2 Anda berhak untuk meminta pemprosesan Data Peribadi anda dihadkan atau ditamatkan atau tidak mula diproses bagi tujuan pemasaran secara langsung.
- 8.3 Anda berhak melalui notis bertulis, untuk membatalkan kebenaran yang telah diberikan (secara penuh atau sebahagian) tertakluk kepada sekatan undang-undang, syarat-syarat dan terma-terma kontraktual dan pembatalan persetujuan akan dilaksanakan dalam tempoh masa yang munasabah.



- 8.4 Tertakluk kepada sebarang pengecualian di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai, anda boleh pada bila-bila masa selepas ini, meminta akses, atau pembetulan ke atas Data Peribadi anda atau mendapatkan sebarang maklumat lanjut daripada kami.

Sebarang aduan, pertanyaan dan permintaan hendaklah ditujukan kepada Pegawai Perlindungan Data.

9. PINDAAN NOTIS

Pihak kami berhak untuk menukar, mengemaskini atau meminda terma-terma Notis ini, pada bila-bila masa, dengan mengeluarkan dan meletakkan Notis yang dikemaskini pada laman sesawang kami. Dengan berterusan berhubung dan berterusan menggunakan perkhidmatan kami selepas Notis ini diubah suai, dikemas kini atau dipinda, ia menunjukkan anda faham dan menerima pengubahsuaian, pengemaskinian dan pindaan tersebut.

10. KONFLIK

Sekiranya terdapat sebarang perbezaan di antara Notis versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, maka versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai sebagai rujukan.